

Jangan takut pengundi baharu

SEREMBAN 12 Mac - Kehadiran para pengundi baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 tidak lama lagi tidak perlu ditakuti.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, beliau yakin para pengundi baharu yang rata-ratanya berpendidikan tinggi mampu menilai siapa yang mahu dipilih sebagai kerajaan.

“Jangan takut dengan bayang-bayang kerana para pengundi baharu boleh membuat pilihan yang betul,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis penyerahan sumbangan kerajaan negeri serta melancarkan IM4U Outreach Centre dan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Besar berkata, kerajaan negeri sentiasa mendekati para pengundi baharu melalui pelbagai program yang dianjurkan bersama mereka.

“Yang penting sekali ialah kita mesti menunjukkan kepada mereka bahawa kita membuat kerja dengan baik sebagai faktor yang memikat hati mereka,” ujarnya.

Pada masa yang sama, beliau mengingatkan pengundi baharu supaya tidak mengikut emosi semasa



MOHAMAD Hasan menyampaikan replika cek bernilai RM500,000 kepada Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail (kiri) sambil diperhatikan oleh Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin pada majlis penyerahan sumbangan kerajaan negeri di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Seremban, semalam.

membuat pilihan.

“Pilihan raya adalah satu proses yang amat penting bagi menubuhkan kerajaan dan sebarang kesila-

pan kerana terikut-ikut dengan emosi boleh membawa kepada keretakan yang mungkin tidak kita jangka,” katanya.